

Media item

Full Text

Skuter elektrik tempatan dilancar

Utusan Sarawak, Malaysia by Bernama

10 Dec 2021

TEMPATAN - Page 0 - 369 words - ID my0046328546 - Photo: No - Type:

- Size: 342.00cm²

Skuter elektrik tempatan dilancar - Bernama KUALA LUMPUR: Pelancaran skuter elektrik buatan tempatan yang di kuasakan oleh bateri berstruktur nano membuktikan komitmen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam memastikan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara neutral karbon menjelang 2050 tercapai. Menferinya Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, kementeriannya percaya pelancarqn motosikal diberi nama Ectimo ES-11 itu dapat membantu usaha negara menyertai industri kenderaan elektrik (EV) yang bernilai berbilionringgit untuk membantu memulihkan ekonomi negara pasca pandemik Covid-19. Bagi tujuan itu, beliau berkata syarikat perkhidmatan penghantaran makanan atau barangan runcit diminta tarrripil dengan kenderaan yang menggunakan pakai sistem pemantauan bateri berstruktur nano yang memberi man- .faat kepada alam sekitar. "Pandemik Covid-19 mewujudkan peluang sumber pendapatan lain melalui perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal. "Jadi. saya berharap kenderaan seperti motosikal dengan sistem pemantauan bateri berstruktur nano ini diguna..pakai secara meluas di Malaysia kelak, dan bagi mencapainya kita harus menggembelng tenaga bersama," katanya semasa melancarkan motosikal elektrik itu yang dibangunkan MOSTI bersama NanoMalaysia Berhad dan Eclimo Sdn Bhd di sini semalam. Penggunaan kenderaan EV adalah sejajar dengan matlamat negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNJC) sebanyak 45 peratus menjelang 2030 seperti yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Menurut Dr Adham, kenderaan tersebut mampu ditunggang hingga 100km dengan kelajuan maksimum 100 kilometer per jam (kmj) dan kos perbelanjaan dikatakan hanya separuh daripada motosikal petrol konvensional yang dijangka berpotensi memberikan impak besar terhadap pasaran. Apa yang menarik perflation, beliau berkata Eclimo ES-11 turut menyediakan sistem mengecas palam tiga pin yang menyelesaikan masalah yang sering dihadapi oleh pengguna kenderaan EV iaitu kekurangan infrastruktur dan stesen mengecas. "Selain itu, keistimewaan penggunaan bateri berstruktur nano itu adalah ia boleh mengawasi keadaan bateri dengan menghantar peringatan apabila voltan bateri berkurangan dan turut menyediakan sistem penjejakan dan pemagaran geo yang boleh dikawal menggunakan aplikasi mudah alih," katanya. Beliau berkata, sel bateri MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba melancarkan motosikal elektrik ES-11 yang dilengkapi dengan sistem pemantauan bateri berstruktur nano yang dibangunkan bersama oleh Kementerian Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, NanoMalaysia Berhad dan Eclimo Sdn Bhd semalam.* Foto BERNAMA ion litium berasaskan nano itu mempunyai kitaran hayat sebanyak 1,000 kali cas selain sistem tersebut menjimatkan hingga tujuh kilogram pelepasan karbon dioksida untuk setiap 100 kilometer perjalanan

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.

